

MediaTitle	Utusan Malaysia	Language	Malay
Date	31 Jul 2014	Readership	534,633
Circulation	178,211	Color	Full Color
Section	Supplement	ArticleSize	780 cm <sup>2</sup>
Page No	11	PR Value	RM 46,674
AdValue	RM 15,558		



**P**ENCERAIAN memang sesuatu yang perlu dielakkan. Tetapi, jika ia tetap hadir dalam hidup mana-mana pasangan suami isteri perkara ini perlu ditangani secara berhemah kerana membabitkan kepentingan banyak pihak.

Setelah berlaku perceraian, ada beberapa hak yang boleh dituntut oleh wanita di Mahkamah iaitu nafkah edah, mut'ah, harta sepencarian, hak jagaan anak (hadhanah), nafkah anak, tunggakan nafkah serta hak tempat tinggal.

Kerap kali kita dengar isteri menuntut harta sepencarian terutamanya hak ke atas rumah yang didiami. Namun, fokus tajuk hari ini adalah adakah suami juga berhak menuntut harta sepencarian ke atas rumah yang didiami semasa tempoh perkahwinan.

Sebenarnya tuntutan harta sepencarian hanya adat Melayu dan bukannya hukum syarak. Oleh kerana adat ini tidak berlawanan dengan kehendak Syariah Islam maka peruntukan harta sepencarian diterima sebagai sebahagian daripada Undang-Undang Islam di Malaysia.

Harta sepencarian tidak dijelaskan oleh apa-apa dalil atau nas. Namun ulama memperakukannya berdasarkan konsep uruf dan masalah setempat dan mengambil kira soal keadilan kedua-dua pihak suami dan isteri.

Menurut Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984, harta sepencarian didefinisikan sebagai harta alih atau tak alih, yang diperoleh bersama oleh suami isteri dalam tempoh perkahwinan mereka, mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak, di mana kedua-dua pihak memberi sumbangan secara langsung atau tidak langsung terhadap perolehan atau pemilihan harta tersebut.

Al-Quran juga ada menyebut: "Orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan dan orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan" (Surah An-Nisa: 32).

Dari ayat ini dapat kita fahami bahawa hak suami atau isteri dalam harta sepencarian itu bergantung dari apa yang telah diusahakan oleh suami atau isteri itu semasa dalam perkahwinan mereka dalam memperoleh pemilihan harta yang dituntut sebagai harta sepencarian itu. Harta sepencarian selanjutnya merujuk kepada rumah kediaman dan sebarang harta yang bernilai tinggi.

Seksyen 122(1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 memperuntukkan bahawa setelah berlaku perceraian, mahkamah mempunyai kuasa untuk memerintahkan supaya aset yang diperoleh dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama dibahagikan antara bekas suami dan bekas isteri.

Ini dilakukan dengan mengambil kira beberapa faktor dalam peruntukan seksyen 122(2) dalam menentukan sama ada pihak-pihak berhak menuntut harta sepencarian.

Manakala mengikut seksyen 122(4), mahkamah boleh membahagikan aset itu atau hasil jualan mengikut apa-apa kadar yang difikirkan munasabah, walau bagaimanapun, pihak yang memperoleh aset itu dengan usahanya hendaklah menerima suatu kadar yang lebih besar.

Hukum Syarak pula menetapkan bahawa suami tidak ada hak ke atas harta mutlak isteri. Contohnya harta isteri yang diperoleh melalui harta pusaka daripada keluarganya.

Selain itu, harta-harta perseorangan yang dibeli sebelum perkahwinan dan harta-harta tersebut tidak diusahakan bersama sepanjang tempoh perkahwinan juga bukanlah harta sepencarian.

Harta-harta itu adalah harta perolehan

# Fahami maksud harta sepencarian

Mengikut hukum syarak, suami tidak mempunyai hak ke atas harta isteri



## Wanita & Undang-Undang

**ROOS NIZA MOHD. SHARIFF**  
roosniza@outlook.com  
Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Undang-Undang,  
Universiti Utara Malaysia

bersama dan bukan hadiah atau hibah yang dihadiahkan kepada bekas isteri.

Menurut satu hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan al-Hakim jika seseorang menuntut balik sesuatu pemberian atau barang yang telah dihibahkannya kepada orang lain."

Intipatinya ialah suami tidak layak untuk menuntut harta sepencarian jika segala bayaran, deposit, bayaran bulanan, baik pulih, pengubahsuaian, elektrik, air, cukai pintu, cukai tanah, dan lain-lainnya dibayar oleh isteri. Melainkan rumah itu diletakkan atas nama suami.

Pihak yang menuntut, iaitu bekas suami, perlu membuktikan haknya ke atas harta tersebut melalui sumbangan kewangan ke arah memperoleh harta tersebut. Mahkamah tidak akan melayan permintaan tanpa bukti.

Sekiranya isteri tidak bekerja dan semua perbelanjaan rumah ditanggung oleh suami, isteri tetap berhak ke atas harta bersama itu. Ini kerana hak isteri ke atas harta bersama adalah berasas kepada sumbangan bukan kewangan.

Cara mudah memperoleh harta sepencarian ialah pasangan membuat deklarasi atau Perjanjian Harta Sepencarian semasa pasangan masih bahagia.

Sebagai contoh, suami bersetuju menyerahkan hak milik rumah itu sebanyak 60 peratus kepada isterinya melalui Deklarasi Harta Sepencarian.

Sekiranya Deklarasi Harta Sepencarian tidak dibuat, maka pasangan ada pilihan membuat tuntutan harta sepencarian melalui proses mahkamah. Namun proses tuntutan melalui mahkamah akan melibatkan kos melantik peguam, serta kemungkinan memakan masa yang agak lama.

Mahkamah akan menentukan bahagiannya. Bahagiannya berbeza mengikut fakta kes dan pembuktian di Mahkamah. Jika ingin menuntut, bekas suami perlu ada bukti, besar kemungkinan Mahkamah akan tolak walaupun harta dibeli semasa perkahwinan.

Mahkamah akan memutuskan sesuatu kes berdasarkan bukti dan alasan-alasan yang logik sambil merujuk kes-kes yang terdahulu. Andai benar suami ingin menuntut harta sepencarian, maka dia perlu kemukakan bukti sumbangannya semasa pembelian rumah tersebut. Kalau hanya sekadar pengakuan lisan tanpa bukti yang kukuh tidak mustahil akan

gagal dalam tuntutan.

Sumbangan kewangan pihak suami bagi belanja harian tidaklah boleh dianggap sebagai sumbangan kewangan terhadap harta yang diperoleh isterinya, kerana memanglah kewajipan suami menyara nafkah isteri dan anak-anaknya.

Tetapi sumbangan kewangan pihak isteri bagi belanja harian rumah tangga patutlah dianggap sebagai sumbangan kewangan terhadap harta yang diperoleh suaminya, kerana bukanlah kewajipan isteri untuk menyara nafkah suami dan anak-anaknya.

Perjanjian atau Deklarasi Harta Sepencarian adalah cara yang berkesan bagi menjamin isteri mendapat hak pemilikan ke atas harta yang diperoleh semasa tempoh perkahwinan. Ini juga satu cara menjaga hak isteri yang sama-sama berusaha payah mencari harta dan membangunkan keluarga.

Bekas suami haruslah mempunyai bukti yang kukuh bahawa dia ada memberi sumbangan terhadap harta-harta yang dituntut sebagai harta sepencarian.

Mengikut hukum syarak, suami tidak mempunyai hak ke atas harta isterinya. Harta isteri adalah hartanya sendiri, manakala isteri berhak mendapat saraan nafkah daripada suaminya.



## Faktor menentukan harta sepencarian

- Ini dilakukan dengan mengambil kira beberapa faktor dalam peruntukan seksyen 122(2) dalam menentukan sama ada pihak-pihak berhak menuntut harta
- Apakah dan berapakah sumbangan yang dibuat oleh bekas suami dan bekas isteri dalam bentuk wang, harta, atau kerja bagi memperoleh aset itu?
- Apa-apa yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka?
- Keperluan anak yang belum dewasa daripada perkahwinan itu, jika ada.